

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN ARTHUR JOSEPH KURUP
[PENSIANGAN]

TARIKH : 5 NOVEMBER 2019

SOALAN

TUAN ARTHUR JOSEPH KURUP [PENSIANGAN] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah statistik warganegara Malaysia yang telah menjadi pelarian di negara asing.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pensiangan atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Kerajaan mengalu-alukan keprihatinan daripada pelbagai pihak berhubung isu warganegara Malaysia yang menjadi pelarian di negara asing. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, isu pelarian atau permohonan suaka merupakan isu yang kompleks dan melibatkan undang-undang negara asing serta konvensyen antarabangsa. Ini termasuklah proses penentuan status pelarian yang berada di bawah tanggungjawab Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) dan Konvensyen mengenai Status Pelarian 1951 serta Protokol Status Pelarian 1967. Atas sebab keselamatan dan privasi, kerajaan asing tidak akan mendedahkan identiti, latar belakang dan statistik permohonan suaka yang diterima.

3. Kerajaan juga sedar bahawa terdapat rakyat Malaysia yang mengambil kesempatan dengan memanipulasi undang-undang imigresen tempatan bagi membolehkan mereka menetap di negara asing dengan tempoh yang lebih lama. Keadaan ini telah mengakibatkan kesukaran kepada rakyat Malaysia lain yang berhasrat untuk melancong, belajar, bekerja atau menetap di negara-negara asing secara sah.

4. Justeru, Kerajaan sentiasa menasihatkan rakyat Malaysia supaya sentiasa mematuhi peraturan dan undang-undang tempatan. Mereka juga diingatkan supaya tidak menyalahgunakan kemudahan imigresen yang diberikan oleh Kerajaan Malaysia dan negara asing bagi mengelakkan kesukaran yang boleh ditimbulkan kepada rakyat Malaysia yang lain. Ia juga penting demi menjaga nama baik negara.

Sekian, terima kasih.